

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	02 JUNE 2017

# Dr. M sebagai PM: Bukti tekanan, pertikaian dalaman PH

UM-2/6/2017  
Pg. 9

**KUALA LUMPUR 1 Jun** - Kesediaan Tun Dr. Mahathir Mohamad mempertimbang cadangan menjadi Perdana Menteri semula sekiranya Pakatan Harapan (PH) yang diketuai DAP memenangi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) merupakan bukti jelas gerakan politik itu berhadapan dengan tekanan dan pertikaian dalaman.

Pandangan itu disuarakan Naib Ketua Pemuda UMNO, Senator Khairul Azwan Harun (**gambar**) yang percaya 'perang saudara' dalam kalangan komponen pakatan itu telah bermula, berikutan persoalan siapa wajar menjadi calon Perdana Menteri.

Lebih menyedihkan, kata Khairul Azwan ialah apabila Pengerusi Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu menjadi prospek Perdana Menteri pakatan tersebut yang boleh diterjemahkan kepada kurangnya pemimpin berkebolehan dalam kalangan mereka.

"Dalam PPBM, Dr. Mahathir dan Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin berlawanan untuk menjadi nombor satu. Datuk Seri Mukhriz Mahathir (Timbalan Presiden) dan Muhyiddin pula dilihat tidak lagi relevan.

"Dalam PKR, Presidennya, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail dan Timbalan Presiden, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berlawanan sesama sendiri untuk

mengekalkan agenda masing-masing.

"PAN pula kekal tidak relevan dengan tiadanya pemimpin bekebolehan manakala DAP pula mengintai dari sebalik tabir, menunggu parti-parti berteraskan Melayu itu hancur supaya mereka pada akhirnya boleh mengawal dan menguasai pakatan itu sepenuhnya," katanya menerusi aplikasi WhatsApp di sini hari ini.



Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pengakuan Dr. Mahathir menerusi sesi soal jawab secara langsung di laman Facebook beliau mengenai kemungkinan terpaksa mempertimbangkan cadangan menjadi Perdana Menteri lagi sekiranya Pakatan Harapan yang diketuai DAP merancang sebegini.

Dalam pada itu, Khairul Azwan secara sinis berkata, ketika kerajaan bekerja keras membawa masuk bilion nilai pelaburan dan meningkatkan persekitaran perniagaan negara, pakatan berkenaan pula sebaliknya tidak mampu membuat keputusan mengenai logo parti yang akan digunakan.

"Tiada dalam kalangan mereka yang mempunyai visi untuk menyedari bahawa rakyat tidak mahu berpolitik, sebaliknya mahu bercakap soal isu dan penyelesaian sebenar," jelas beliau.